

GARIS PANDUAN PEMAKAIAN GELANG TANGAN BAGI PESAKIT POSITIF COVID-19 DAN KONTAK-KONTAK TERDEKAT YANG DIBERIKAN PERINTAH KUARANTIN DIGITAL

1		Pesakit positif COVID-19 (Kod BruHealth ungu) diwajibkan memakai gelang tangan berwarna merah di sepanjang masa.
2	2.1	Kontak terdekat seperti kontak utama, kontak sekunder atau kontak Bluetooth yang dikenakan Perintah Kuarantin Digital, PKD (Kod BruHealth merah) pula adalah diwajibkan memakai gelang tangan berwarna biru.
	2.2	Kriteria pengecualian pemakaian gelang tangan tersebut adalah bagi: <ul style="list-style-type: none">- para pelancong;- mereka yang diarahkan untuk menjalani ujian swab hari ke-12 iaitu swab ke-2;- barisan hadapan penjaga kesihatan; dan- mereka yang menjalani ujian swab bagi surveilans.
3	3.1	Semua kes positif COVID-19 akan dihubungi oleh Kementerian Kesihatan untuk mengenal pasti kontak-kontak terdekat mereka.
	3.2	Kontak-kontak tertentu sahaja akan diperlukan untuk menjalani ujian swab di pusat swab termasuk pusat swab pandu lalu selaras dengan PKD mereka.
	3.3	Kontak-kontak terdekat yang hadir bagi ujian swab akan diarahkan untuk memakai gelang tangan berwarna biru untuk pengasingan diri di rumah di bawah PKD mereka.
4	4.1	Apabila tiba di pusat swab, Pasukan <i>Wristband Swab Centre (WSC)</i> akan memeriksa Kod BruHealth awda, selain dari memastikan maklumat peribadi dan pemasangan gelang tangan yang betul. Awda juga perlu memaklumkan Pasukan WSC bahawa awda adalah seorang kontak terdekat dan telah diarahkan untuk menjalani ujian swab.
	4.2	Bagi pusat swab yang berkenaan seperti Pusat swab <i>BRIDEX</i> dan <i>Pusat Insani</i> , awda adalah disarankan untuk membuat tempahan melalui aplikasi <i>QueUp</i> sebelum tiba dan menyatakan status Kod Bruhealth bagi mempercepatkan proses pengenalan diri.

5	5.1	Pasukan WSC akan mengisi maklumat peribadi awda, termasuk tarikh bermula dan berakhirnya Perintah Kuarantin Digital pada gelang tangan awda.
	5.2	Bagi pusat swab yang tertentu, pasukan WSC akan memberikan ID unik serta tarikh permulaan yang akan dicatit ke atas kertas gelang berkenaan dan diberikan pelekat pendaftaran.
6	Awda diarahkan untuk memasang gelang tangan dengan bimbingan dari Pasukan WSC.	
7	Awda dikehendaki memasang gelang tangan mengikut keselesaan awda sehingga terkunci sepenuhnya.	
8	Pasukan WSC akan memberikan penerangan mengenai garis pandu sepanjang pemakaian gelang tangan serta selepas penamatan Perintah Kuarantin Digital. (Garis panduan A1 untuk dipaparkan)	
9	Awda akan dihubungi oleh pihak pemasang gelang tangan pada tarikh tamat Perintah Kuarantin Digital awda untuk tatacara membuka gelang tangan melalui panggilan atas talian (<i>online</i>).	
10	Penyiasatan akan dijalankan jika awda gagal menjawab panggilan tersebut.	

A1. Garis panduan perkara-perkara yang dibolehkan dan dilarang:

1. Pemakaian gelang tangan biru adalah diwajibkan bagi mana-mana individu yang dikenakan Perintah Kuarantin Digital (pengasingan diri di rumah).
2. Gelang tangan wajib dipakai sepanjang tempoh Perintah Kuarantin Digital awda.
3. Awda **tidak dibenarkan** untuk merosakkan (memotong, melonggarkan atau membuka) gelang tangan sepanjang tempoh Perintah Kuarantin Digital hingga mendapat kebenaran untuk melepaskannya di akhir tempoh kuarantin awda.
4. Awda akan dihubungi oleh Pasukan yang telah dilantik pada akhir tarikh tempoh Perintah Kuarantin Digital melalui panggilan video atas talian (online) untuk menunjukkan tatacara pelepasan gelang tangan awda.
5. Penyiasatan akan dijalankan jika awda gagal menjawab panggilan tersebut.
6. Sila hubungi talian 148, jika terdapat sebarang pertanyaan atau kerosakan pada gelang tangan.
7. Kegagalan mematuhi arahan ini boleh dikenakan tindakan undang-undang di bawah Akta Penyakit Berjangkit (Penggal 204) dan jika sabit kesalahan, Bab 71 di bawah Akta Penyakit Berjangkit (Penggal 204) menyatakan bahawa: "Ketua Pengarah boleh mengkompaun kesalahan di bawah Akta ini atau mana-mana peraturan yang dibuat di bawahnya dengan menerima dari orang yang disyaki melakukan kesalahan itu sejumlah wang tidak melebihi \$5,000."